

16 SEP 2002
MAHATHIR-BELANJAWAN/I
DR MAHATHIR ENGGAN DEDAH KANDUNGAN BELANJAWAN 2003

PUTRAJAYA, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini enggan mendedahkan kandungan Belanjawan Negara 2003, yang akan dibentangkan beliau di Parlimen Jumaat ini.

Menjawab soalan-soalan pada persidangan akhbar selepas perasmian bangunan baru Perbendaharaan di sini, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, enggan bercakap mengenai belanjawan itu.

Seorang wartawan media asing yang berterusan bertanya Dr Mahathir sama ada terdapat galakan-galakan cukai untuk menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan kepada soalan ini Perdana Menteri berkata: "Saya akan beritahu anda pada 20 haribulan."

Dr Mahathir dijadual membentangkan Belanjawan Negara 2003 di Parlimen 20 Sept.

Wartawan itu kemudian bertanya sama ada beliau boleh mendedahkan perincian belanjawan itu pada persidangan akhbar itu dan Perdana Menteri terus tidak berganjak berkata: "Sekarang tak baiklah... kesan belanjawan saya mesti dirasakan."

"Saya juga mahu menarik perhatian kepada belanjawan saya. Kalau saya beritahu kamu, kamu tidak akan datang langsung ke Parlimen (apabila belanjawan itu dibentangkan Jumaat ini)," katanya.

Masih beria-ia wartawan itu mahu tahu perincian mengenai cukai keuntungan hartanah dan Dr Mahathir yang mengetahui segalanya berkata: Itu juga kita akan beritahu kamu pada 20hb, jangan tanya sekarang."

Walaupun gagal mendapat jawapan Dr Mahathir, wartawan itu kemudian melemparkan satu lagi soalan yang tidak berkenaan dengan tajuk ketika itu dan kali ini dia bertanya bila pilihanraya umum akan datang akan diadakan.

"Bila masanya tiba mungkin minggu depan, mungkin tahun depan, mungkin setahun selepas itu.. bila-bila masapun... kamu (wartawan berkenaan) nampaknya bertanyakan soalan-soalan luar ganjil," Dr Mahathir berseloroh. --
BERNAMA

SR AZH KTC OS